



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
16 MEI 2023 SELASA

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KEMARAU JEJAS PENGELUARAN DURIAN, NASIONAL, SH -8 PANAS MELAMPAU DIJANGKA JEJAS PENGELUARAN DURIAN, DALAM NEGERI, UM -33	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3. 4. 5.	INCOME BOOST FOR FISHERMEN FROM COCKLE FARMING PROJECT, NEWS, THE SUN -5 'BLACK GOLD' LIFELINE FOR PERAK FISHERMEN, NATION, THE STAR -12 'EMAS HITAM' HADIR REZEKI, LOKAL, HM -10 & 11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	JABATAN VETERINAR TEGUR TAMAN REKREASI BIARKAN KUCING, AYAM KELAPARAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15.	GRADUAN BANTU KEBERHASILAN MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -34 GUAN ENG: PRICE STABILISATION MUST FOLLOW PRODUCERS, NOT SUITABLE TO CONTROL PORK PRICE, NATION, SIN CHEW DAILY -7 CEILING PRICE MIGHT BE IMPOSED ON IMPORTED PORK, NATION, CHINA PRESS -A3 RECLAMATION PROJECT NO THREAT TO FISHERMEN, FOOD SECURITY, NEWS, THE SUN -3 TANGKAPAN KURANG, LOKAL, HM -7 TUTUP KEDAI MAKAN AKIBAT GANGGUAN AIR, NASIONAL, BH -19 MUKA KUALA CETEK JEJAS REZEKI LEBIH 100 NELAYAN, NASIONAL, BH -19 PENIAGA TERENGGANU TERPAKSA DAPATKAN BEKALAN IKAN DARI LUAR, NASIONAL, BH -19	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

16/5/2023

NASIONAL

8

SINAR
HARIAN

Jabatan Pertanian
Kedah jangka hasil
tanam susut 30
peratus, pekebun
musang king dakwa
pokok terbanjut

Oleh **ROSHILA
MURNI ROSLI dan
ASWANY OMAR**
ALOR SETAR

Jabatan Pertanian Negeri
Kedah menjangkakan
hasil tanaman durian
akan menurun sehingga
30 peratus akibat cuaca panas
melampau yang melanda ne-
gara ketika ini.

Pengarah Jabatan
Pertanian Negeri Kedah, Ramli
Abdul Rahman ber-
kata, pengeluaran
durian tahun ini di-
jangka bermula
pada penghujung
Jun sehingga Julai
depan.

Katanya, antara
jenis durian yang
terjejas termasuk
durian kampung
dan klon yang di-
tanam di sekitar
Padang Terap, Sik, Baling ser-
ta Bandar Baharu.

"Tanaman durian ini unik
kerana ia tidak memerlukan
kuantiti air yang banyak tetapi
sebaliknya tiada air langsung, ia
akan mati walaupun pokok itu
sudah berpuh-puluh tahun
hidup," katanya pada Majlis
Rumah Terbuka Jabatan
Pertanian Negeri Kedah di sini
pada Isnin.

Ramli berkata, sebagai
langkah penyelesaian, Jabatan
Pertanian telah memperkenal-

kan teknologi penggunaan air
bawah tanah untuk mengani
tanaman.

"Ada dua cara iaitu air per-
mukaan (*surface water*) atau air
bawah tanah (*groundwater*)
tetapi kalau cuaca panas se-
perti sekarang, air permukaan
pun kering.

"Kalau hendak buat cara air
bawah tanah pula, kosnya agak
tinggi mencecah ratusan ribu,"
katanya.

Tambah Ramli, Jabatan
Pertanian tiada hak untuk me-
maksu pengusaha mengguna-
kan teknologi
tersebut kerana se-
dar ia memerlukan
kos tinggi.

"Kita hanya bo-
leh perkenalkan
teknologi tetapi pe-
laksanaannya ber-
gantung kepada
pengusaha durian
itu sendiri.

"Ada juga yang
terpaksa meng-
gunakan air daripada Syarikat
Air Darul Anan (SADA) kerana
tiada sumber air lain tetapi me-
reka perlu membayar bil air
yang agak tinggi," katanya.

Dalam pada itu, di **KUALA
KRAI**, Kelantan, seorang pe-
milik kebun di Kampung Bedal
di sini terpaksa memasang alat
saliran air ke pokok durian mu-
sang king lebih awal berikutan
beberapa pokok yang ditanam
mengalami masalah banjut aki-
bat kemarau.

Mohd Zulkifli Mohamed, 48,

Kemarau jejas pengeluaran durian



Zulkifli menunjukkan air disalurkan ke pokok durian
musang king yang ditanam bagi mengelak masalah banjut.

berkata, inisiatif memasang
saliran sepanjang 1,800 meter
itu diambil bagi mengelak lebih
banyak tanaman berkenaan
mengalami masalah tum-
besaran.

Menurutnya, tanah seluas
1.2 hektar miliknya itu turut di-
tanam dengan durian duri hi-
tam, nenas, kelapa dan pisang.
"Saya perlu memberikan
perhatian kepada 100 pokok
durian termasuk 88 durian mu-
sang king kerana usia tanaman
ini baru sahaja mencecah lebih
setahun," katanya ketika di-
temui di kebunnya.

Zulkifli berkata, musang
king memerlukan penjagaan
yang lebih baik berbanding
tanaman lain di kebun itu bagi
mengelak pokok rosak.

"Durian memang memerlukan

kan cuaca panas untuk mem-
besar dengan sempurna tetapi
boleh rosak jika keadaan kering
dan tiada hujan.

"Jadi, saya tidak boleh me-
nunggu lebih lama dan ambil
keputusan pasang saluran air
dengan segera," ujarnya.

Zulkifli turut mengakui pa-
nas melampau dengan suhu
mencecah sehingga 37 darjah
Celsius di Kuala Krai me-
nyebabkan tanah kering.

"Saya mengambil punca air
dari sungai berhampiran untuk
dialirkan ke pokok durian,"
katanya.

Jelasnya, pada hari biasa,
saliran air dibuka selama satu
jam, namun kini dia perlu me-
astikan pokok menerima air
antara empat hingga lima jam
sehari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Panas melampau dijangka jejas pengeluaran durian

ALOR SETAR: Pengeluaran durian di negeri ini dijangka berkurangan sehingga 30 peratus akibat cuaca panas yang melanda sejak hujung bulan lalu.

Pengarah Pertanian negeri, Ramli Abdul Rahman berkata, pihaknya menerima rungutan daripada pengusaha tanaman itu di sekitar Padang Terap, Sik, Baling dan Bandar Baharu yang terjejas ekoran perubahan cuaca itu.

“Durian dijangka luruh pada hujung Jun sehingga Julai nanti, namun, seperti juga tanaman lain akan terkesan akibat cuaca panas melampau ini. Durian memang tidak perlukan air banyak, tetapi air perlu mencukupi.

“Kalau air tak cukup, pucuk akan mati walaupun pokok itu berusia puluhan tahun. Ikut kajian pihak kami pengeluaran durian dijangka menurun sehingga 30 peratus,” katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Jamuan Aidilfitri di Pusat Latihan Pertanian di

Teluk Kechai, Kuala Kedah.

Tambahnya, pengurangan tanaman itu juga disebabkan faktor cuaca yang tidak menentu sejak Januari hingga Mac lepas yang menjejaskan pengeluaran pucuk dan bunga pokok durian.

“Kita jangka pada Januari hingga Mac itu kemarau tapi pada masa itu kemarau sekejap lepas itu hujan. Kemarau akan sebabkan peningkatan pengeluaran bunga, tetapi hujan pula mengakibatkan pucuk tumbuh dan bunga durian gugur.

“Bagi mengatasi perkara itu, Jabatan Pertanian negeri membantu para petani termasuk memastikan mereka mendapat sumber air yang mencukupi bagi tanaman masing-masing melalui kaedah air bawah tanah dan air permukaan,” katanya.

Apabila ditanya tentang harga buah durian yang diramal naik ekoran pengurangan pengeluarannya, kata Ramli, ia dijangka terkawal dan signifikan dengan kos yang terpaksa ditanggung petani ketika ini.

Income boost for fishermen from cockle farming project

► Initiative launched to raise earnings of B40 group, with training, equipment and assistance given

MANJUNG (Perak): At 3am, Mohd Salleh Yunus is already up and on the way to his cockle farm located in the Strait of Malacca off the Lekir Valley, which he operates with seven other fishermen.

He gets into his boat and heads for his farm equipped with a lift net attached to a pole, which he uses to scoop up the cockles, that are likened to "black gold" by the fishing community.

The farm is a five-minute boat ride from the Kuala Kayan jetty but the 57-year-old fisherman is in a hurry to get there as he has to get his work done before sunrise and the high tide begins to recede.

Life was hard for him before he ventured into cockle farming because he only managed to earn RM1,000 a month at the most.

"Each month, I can now make a net income of about RM2,800 from selling the cockles, without having to go out to sea to catch fish," Mohd Salleh said.

Opened three years ago, the 21ha cockle farm is part of the Kebun Kerang Lekir (Lekir Cockle Farm) project overseen by the Perak Fisheries Department. The entire project has 25 lots, one of which is headed by Mohd Salleh. Each lot is operated by eight fishermen.

He said hauling up the farmed cockles is far from an easy task as the lift net they use can only scoop up a small amount.

"Selling them is not a problem for me. Wholesalers and restaurant owners come to the jetty as early as 8am. This is why I have to go to my farm early," he said, adding that he sells his catch at about RM8 per kg, depending on demand.

The project is aimed at improving the income and standard of living of B40 fishermen and is part of the Lekir Food Valley plan involving an area



Mohamad raking in cockles at his farm. — BERNAMAPIC

equivalent to 4,538ha.

Mohd Salleh said he ventured into cockle farming with the training, equipment and assistance provided by the department.

During the training, conducted over one to three days, the participants are taught how to collect, grade and clean the cockles.

"I certainly have no regrets. I am now able to breed and harvest cockles systematically, and it has provided me with a stable and regular income stream.

"In the past, my income was unpredictable as it would depend on

the fish I catch. Sometimes, I would earn more if I could collect cockle seeds at the water edge (on the beach) and my income would be less when there were no seeds.

"But I am better off now after participating in the project," he said.

Another individual who has benefited from the project is coastal fisherman and prawn rearer Mohamad Mohamed Idris, 48, who heads one of the cockle farming lots and makes about RM7,000 a month, Bernama reported.

"Not only did the department equip us with the knowledge to

produce cockles but also provided us with the necessary facilities. For example, our previously small and rickety jetty has been upgraded and now comes complete with a cockle grader and icebox," he said, adding that youths from nearby villages were also involved in the farming project.

Commenting on the project, Perak Fisheries Department deputy director Albert Apollo Chan said it is among the biggest in the country and generates enough cockles to meet more than 50% of market requirement in Peninsular Malaysia.

16/5/2023

THE STAR

NATION

12

'Black gold' lifeline for Perak fishermen

MANJUNG: It's 3am and Mohd Salleh Yunus is making his way to his cockle farm in the Malacca Strait off the Lekir Valley here.

He gets into his boat and heads for his farm, which he operates with seven others.

They are equipped with a lift net attached to a pole that is used to scoop up the cockles – considered "black gold" by the fishing community.

The farm is just a five-minute boat ride from the Kuala Kayan jetty but the 57-year-old is in a hurry to get his work done before sunrise and the high tide begins to recede.

The father of six said life was hard for him before he ventured into cockle farming, his family living a hand-to-mouth existence.

Life, however, is much better these days.

"Each month, I can make about RM2,800 from selling the cockles harvested at my farm," the sun-tanned man said while smiling.

Opened three years ago, the 21ha cockle farm is part of the Kebun Kerang Lekir (Lekir Cockle Farm) project overseen by the Perak Fisheries Department.

The entire project has 25 cockle farming lots, each operated by eight fishermen.

Mohd Salleh, together with his partners, are able to harvest some two tonnes of cockles each time they set out to scoop the molluscs up from the seawater.

He also said his harvests are sold out in no time as there's always good demand.

"Selling them is not a problem for me. Wholesalers and restaur-

rant owners come to the jetty as early as 8am to buy our cockles," he said.

Mohd Salleh says he sells his catch for as much as RM8 a kilogramme.

Born and raised in Teluk Intan, Perak, he was introduced to the trade in 2020 after joining a Perak Fisheries Department's cockle breeding and farming project.

During the training over three days, participants were taught how to collect, grade and clean cockles.

"I certainly have no regrets. I am now able to breed (and har-



Good haul: Mohamad unloads cockles onto his boat in the waters off the Lekir Valley; (inset) Chan shows off the cleaned cockles. — Bernama

vest) cockles in a systematic way. "I am better off now after participating in the project," he said.

Another beneficiary of the project is fisherman and prawn rearer Mohamad Mohamed Idris, 48, who heads one of the cockle farming lots on the project site.

"Not only did the (Fisheries) department equip us with the knowledge to produce cockles but also provided us with the necessary facilities.

"For example, our previously small and rickety jetty has been upgraded and now comes complete with a cockle grader and

icebox," he said, adding youth from nearby villages are also involved in the cockle farming project.

Perak Fisheries Department deputy director Albert Apollo Chan said the project was among the biggest in the country and produced enough cockles to meet more than 50% of demand in the peninsula.

The waters off the Lekir Valley are among the best sites in the country for the breeding of premium-grade cockles, thanks to its conducive water quality and temperature. — Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2023	KOSMO	NEGARA	18



BEBERAPA ekor kucing ditemui dalam keadaan kelaparan di dalam sangkar di sebuah taman rekreasi di Kijal, Kemaman baru-baru ini.

Jabatan Veterinar tegur taman rekreasi biarkan kucing, ayam kelaparan

KEMAMAN – Tindakan sebuah taman rekreasi swasta di Kijal di sini, yang disyaki membiarkan haiwan yang terkurung di dalam sangkar dalam keadaan tidak terurus dan kelaparan menerima teguran daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pengarah Veterinar Terengganu, Dr. Anum Man berkata, siasatan dilakukan selepas pihaknya menerima aduan daripada beberapa pengunjung taman rekreasi tersebut baru-baru ini.

“Berdasarkan aduan itu, kucing dan ayam yang diletakkan di dalam sangkar di taman rekreasi tersebut tidak terurus

dan berada dalam kelaparan.

“Sangkar yang menempatkan haiwan terbabit juga didakwa dalam keadaan kotor dan busuk dengan beberapa bangkai kucing yang mati dibiarkan begitu sahaja,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Anum berkata, hasil siasatan dengan pihak pengurusan taman rekreasi terbabit mendapati kesemua kucing terlibat asalnya merupakan haiwan jalanan.

Jelas beliau, sangkar terbabit kemudiannya dibina pihak pengurusan tersebut secara sukarela bagi mengurangkan gangguan kepada pengunjung yang hadir.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2023	HARIAN METRO	LOKAL	10

Manjung

Ketika masih ramai lagi sedang lena diulit mimpi, Mohd Salleh Yunus pula menjadikan rutin untuk bangun seawal pukul tiga pagi untuk bergerak ke 'kebun' kerang di perairan Lembah Lekir bagi menyauk 'emas hitam' yang menjadi sumber rezeki utamanya sejak tiga tahun lepas.

Dengan hanya berbekalkan sampan serta tangkuk bergalah atau kor bagi menyauk kerang, lelaki berusia 57 tahun ini mahu segera sampai ke kebun seluas kira-kira 21 hektar, yang mengambil masa kira-kira tiga kilometer atau lima minit dari Jeti Kuala Kayan bagi menyelesaikan tugas hariannya itu sebelum matahari naik dan air laut mula surut.

Sebaik sampai, bapa kepada enam orang anak ini terus membenamkan kor dari atas sampan untuk menyauk kerang di 'kebun' yang diusahakan bersama tujuh rakan-nya, berbekalkan kemahirannya menggunakan teknik pusangan.

Mengakui bukan tugas mudah menaikkan kerang memandangkan hanya saiz tertentu sahaja yang dapat disauk menggunakan peralatan berkenaan, Mohd Salleh yang berpengalaman hampir 25 tahun sebagai nelayan, mampu mendapat hasil kira-kira dua tan kerang setiap kali turun menyauk bersama rakan-rakan lain.

"Permintaan kerang sentiasa ada bahkan saya tidak susah menjualnya kerana peraih, pemilik restoran sudah ada di jeti untuk membeli hasil yang diperolehi. Kerana itu, saya perlu menyauk dengan cepat sebelum air surut disebabkan peraih, peminat kerang sudah menunggu di jeti seawal pukul 8 pagi."

"Hasil kerang boleh dijual pada harga RM8 sekilo (bergantung pada permintaan) dan sebulan saya boleh mem-



MUHAMMAD menyauk kerang di sekitar kebun kerang miliknya di perairan Lembah Lekir, Manjung.

322 tan

Jumlah pengeluaran kerang Kebun Kerang Lekir pada 2022

21

Luas (hektar) kawasan 'Kebun Kerang Lekir' diusahakan Mohd Salleh

RM1j

Pendapatan tahunan mampu diraih pengusaha kerang

dapatannya sebelum ini sebagai nelayan paling tinggi pun hanyalah sekitar RM1,000 lebih sebulan, namun semuanya mula berubah sebaik beliau menyertai projek pembiakan dan penternakan kerang yang dijalankan Jabatan Perikanan Negeri Perak.

Dinamakan Kebun Kerang Lekir, projek ini memberi manfaat kepada golongan B40 nelayan pantai sekitar kawasan tersebut menggunakan kaedah penandaan lot mesra pukat hanyut. Projek ini adalah sebahagian daripada pelan Lembah Makanan Lekir dengan melibatkan perwartaan kawasan seluas 4,538 hektar perairan Lekir.

Ketika ditanya bagaimana boleh terlibat dalam projek itu, Mohd Salleh berkata, semuanya bermula apabila hasil pendapatannya tidak menentu sehingga membuatkan beliau bertekad menyertai projek ternakan kerang sebaik disarankan Jabatan Perikanan dalam satu perjumpaan.

Nyata keputusannya tidak silap apabila beliau yang sebelum ini hanya bergantung kepada hasil jualan benih kerang dan menjaring ikan, akhirnya berubah setelah mendapat bantuan serta latihan daripada Jabatan Pertanian untuk menternak kerang dengan lebih sistematik



ALBERT membersihkan kerang di jeti Kuala Kayan.

sehingga memperoleh pendapatan stabil dan tetap.

Bagi Projek Kebun Kerang Lekir, peserta disyaratkan daripada golongan nelayan B40 berusia 18 tahun ke atas. Mereka akan diberi kursus pengurusan ternakan kerang selama sehari sehingga tiga hari merangkumi taklimat teori, demonstrasi mengutip, menggred dan mencuci kerang.

"Sebelum ini, apabila ada benih kerang di gigi-gigi laut, adalah hasil... tapi jika tiada, memang keringlah pendapatan pada bulan itu dan terpaksa bergantung dengan hasil menjaring ikan. Tetapi, tidak lagi selepas menyertai projek tersebut."

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada Jabatan Perikanan. Pelbagai per-

alatan, ilmu menternak kerang diberikan kepada kami yang secara tidak langsung meringankan beban nelayan di sini untuk membeli peralatan bagi mencari rezeki dengan kerang," katanya.

Selain Lekir, terdapat beberapa lagi projek ternakan kerang di Perak iaitu di Kuala Gula, Kuala Sepetang dan Kuala Kurau.

'EMAS HITAM' HADIR REZEKI


Projek Kebun Kerang Lekir tingkat taraf hidup nelayan pantai



ALBERT menunjukkan kerang di jeti Kuala Kayan ketika ditemui di perairan Lembah Lekir.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2023	HARIAN METRO	LOKAL	11



NELAYAN pantai berehat seketika selepas menyauk kerang.

Hakikatnya, manfaat yang diperoleh daripada projek Kebun Kerang Lekir sejak dimulakan pada tahun 2020 dan kini mempunyai sebuah lot tidak hanya dinikmati Mohd Salleh tetapi hampir kesemua lapan peserta termasuklah seorang bapa kepada dua anak, Mohamad Mohamed Idris, 48 berasal dari Kampung Parit Jerman, Sitiawan yang masih meneruskan pekerjaannya sebagai nelayan.

Beliau yang juga penternak udang di perairan Lekir, mengakui tidak menyal menyertai projek ternakan kerang yang berjaya mem-

bantu meningkatkan dan menstabilkan pendapatan bulanan sebanyak RM7,000.

"Sekarang ini, saya mempunyai ilmu menghasilkan kerang dan pendapatan lebih stabil. Selain ilmu, saya juga seronok apabila pihak jabatan turut menyediakan kelengkapan secukupnya kepada nelayan... misalnya, sebelum ini jeli kami sangat kecil dan menunggu masa untuk roboh.

"Namun, kini jeli kami dibesarkan sehinggakan 'grader



Saya juga gembira anak muda kampung ini tidak memilih kerja dan terlibat dalam projek tersebut"

Mohamad Mohamed Idris

Mengulas mengenai projek kebun kerang, Timbalan Pengarah Perikanan Negeri Perak Albert Apollo Chan berkata, projek itu adalah antara yang terbesar di negara ini dengan hasilnya mampu menampung lebih sebahagian daripada keperluan Semenanjung Malaysia terutama Melaka, Selangor, Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan.

Selain diberi kursus, peserta turut dilengkapi dengan

lesen menternak dan mengutip benih kerang serta peralatan yang diluluskan sepanjang penternakan dijalankan," katanya yang turut menambah setiap lot jika diusahakan secara konsisten dan mengikut prosedur amalan yang betul boleh menghasilkan pendapatan sehingga RM1 juta setahun.

Menurut Albert, projek kerang Lekir banyak membantu nelayan pantai di kawasan berkenaan yang sebelum ini sering bergelut dengan masalah pendapatan tidak stabil khususnya ketika musim tengkujuh yang tidak membolehkan mereka turun ke laut.

Perairan Lekir merupakan antara lokasi terbaik dan sesuai di negara ini untuk pembenihan kerang dan menghasilkan kerang premium.

Kerang yang dihasilkan di perairan ini boleh mencapai saiz sehingga 45 milimeter (mm) manakala benihnya pula boleh mencapai mutu terbaik berikutan kualiti air dan kesesuaian suhu kawasan tersebut.

Pada tahun 2022, pengeluaran kerang daripada Kebun Kerang Lekir adalah berjumlah 322 tan metrik yang bernilai RM3.7 juta.

Bagi pengeluaran benih kerang pula pada tahun 2021, hasil pengeluaran mencecah 490 tan metrik bernilai RM11.5 juta.

Kebun Kerang Lekir pada tahun 2020 pernah mencatat pengeluaran benih kerang tertinggi iaitu 1,202 tan metrik. Di negara ini terdapat dua lagi projek kebun kerang iaitu di Pulau Pinang dan Melaka.

kerang' iaitu meja untuk membuat persiapan dan peti ais turut disediakan. Saya juga gembira anak muda kampung ini tidak memilih kerja dan turut terlibat dalam projek tersebut," katanya yang turut mengharapkan lebih ramai lagi golongan beliau turut serta dalam projek berkenaan.

PERAIRAN Lekir merupakan antara lokasi terbaik dan sesuai di negara ini untuk pembenihan kerang dan menghasilkan kerang premium.



"Peserta dilengkapi lesen menternak dan mengutip benih kerang"
Albert



Headline	Guan Eng: Price stabilisation must follow procedures, not suitable to control pork price		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	16 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	7	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	87 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,620
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,860



林冠英：穩定價格須依程序 不宜直接管制豬肉價

（北海15日讯）行动党主席兼峇眼区国会议员林冠英说，农业及粮食安全全部正副部长对于猪价及各方面有表示不满，不过最好是能够避免直接管制猪肉价格。

他今日到威省林氏西河堂关心宗祠遭烧毁的情况后向记者说，他最近有与农业及粮食安全部长莫哈末沙布及副部长陈泓缜讨论有关问题，该部门有建议通过进口猪肉来稳定

猪价，若实在不行，就会考虑管制猪肉价格。

他说，他明白部长提出任何方案都没用，消费者只要看到猪肉价格降低，不过一切都要依照条规及程序进行，希望人民再给该部门多一点时间，相信再过一些时间就会有消息。

他说，农业及粮食安全全部已成立以陈泓缜领导的特别小组，处理国内猪肉价格高企的问题。

Headline	Ceiling price might be imposed on imported pork		
MediaTitle	China Press		
Date	16 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,913
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,739



林冠英：需時調降 進口豬肉擬設頂價

（北海15日讯）峇眼国会议员林冠英指出，农业及食品安全部已设立一个由副部长陈泓缜领导的特别工作小组，包括以进口猪肉及考虑为猪肉设立顶价，来解决猪肉涨价的问题。

他明白消费者希望看到猪肉跌价，但这需要符合一些程序，所以希望消费者能给予该部及陈泓缜一些时间去处理。

他今日巡访及宣布5万令吉拨款予遭遇火灾的威省林氏西河堂后，在记者会针对猪肉涨价的课题，发表谈



■林冠英

话。

他说，据他掌握到的资料，该工作小组是建议以进口猪肉来稳定猪肉价格，若还是不行，也会考虑给猪肉设立顶价，以解决猪肉涨价。

“我们要看到价格能降低，否则消费者买不起猪肉，更糟糕的是，若猪肉太贵没人买，猪肉贩营业额也会下滑，没有生意做。”

他说，目前该工作小组已与兽医局及相关部门接洽，相信在一些时间后，就会有好消息传出。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Graduan bantu keberhasilan makanan

JELI: Graduan politeknik dilihat semakin aktif terlibat dalam bidang pertanian sekali gus membantu kerajaan dalam memenuhi aspek keterjaminan makanan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi, Dr. Mohd. Zahari Ismail berkata, tahap kesedaran itu memberikan petunjuk positif kepada industri pengeluaran sumber makanan dalam memenuhi keperluan rakyat.

"Negara kini sedang menuju ke arah mencukupkan hasil makanan negara dengan kaedah kita sendiri. Graduan politeknik juga cukup menyedari perkara ini.



Kita akan sediakan graduan supaya mereka belajar, faham dan bersedia menceburi bidang pertanian."

MOHD. ZAHARI ISMAIL

"Kita akan sediakan graduan-graduan kita supaya mereka belajar, faham dan bersedia menceburi bidang pertanian bagi menyahut usaha kerajaan,"

katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Konvokesyen Politeknik Jeli Kelantan Kali kesembilan, di sini semalam.

Mohd. Zahari memberitahu, berdasarkan pengalaman melalui beberapa program dijalankan di beberapa politeknik termasuk Politeknik Jeli Kelantan, golongan muda menunjukkan penerimaan positif terhadap bidang pertanian, penternakan, perikanan dan sebagainya.

Katanya, golongan muda kini telah dapat melihat dan mengetahui terdapat ruang dan peluang yang besar dalam bidang pertanian.

"Cuma apa yang saya nam-pak sekarang ini adalah usaha kita untuk memperkasakan bi-

dang pertanian, penternakan, perikanan dan keterjaminan makanan ini masih berada di peringkat bawah. Jadi ia mesti digerakkan dengan lebih agresif.

"Minat golongan muda terhadap bidang pertanian memang ada.

Hari ini sahaja kita lihat hampir 300 graduan dari bidang akuakultur dan agro pertanian menerima diploma masing-masing dan mencapai cita-cita mereka," ujarnya.

Dalam perkembangan lain beliau memaklumkan setakat ini belum ada institusi politeknik serta kolej komuniti ditutup berikutan keadaan cuaca panas luar biasa dan keadaan masih terkawal.



RELIABLE RELIEF ... Batu Maung residents fetching water from a 125-year-old well at Masjid Jamek Kampung Binjai in Penang yesterday after the area was affected by a supply disruption. — **BERNAMAPIC**

Reclamation project no threat to fishermen, food security

➤ Steps taken to ensure controlled effects at work site, with marine life and fisheries sector sustainability plan ready

GEORGE TOWN: The Penang South Island (PSI) development project will neither affect fishermen nor threaten food security as most fishing activities take place much farther from the reclamation site.

Penang Infrastructure Corporation (PIC), which is a special purpose vehicle to ensure smooth implementation of the project, said in a statement that the fishing zone for southern Penang Island coastal fishermen is a vast area some 14km from the coastline.

"Local fishermen usually operate in areas located beyond the project site. We received this information from local fishermen and we verified it by conducting a physical boat count and by using satellite images that captured the movements of fishing boats in the area.

"As most of the fishing activities took place far from the reclamation site, the state government decided to provide fishermen with larger boats equipped with powerful engines, sonar, GPS and net haulers to make it more convenient for them, as part of the project's Social Impact Management Plan."

The plan also offers financial aid, new jetties with proper facilities, training, job and business opportunities, education support for their children, a home ownership scheme and a 250m wide navigation channel that enables fishermen to go to sea regardless of the tide, Bernama reported.

PIC also denied allegations that the project would have widespread impact, adding that it was an exaggeration on the part of certain parties to allege that a reclamation project in Penang waters could affect conditions as far as Kedah and Selangor.

It said mitigation measures would confine the impact to the project site, based on the approved Environmental Impact Assessment report, that states reclamation works would be done in phases, with its effects occurring gradually and in a controlled manner.

"A hydraulics study, that was approved by the Department of Irrigation and Drainage last year, shows that even without any rigorous implementation of mitigation measures, the sediment dispersion would be

closely limited to the reclaimed area.

"The PSI layout was optimised to ensure minimum impact on the surrounding environment while silt curtains would further prevent the dispersion of sediment," it said, adding that the project will be monitored by the Department of Environment.

On ecology recovery and carbon reduction, it said the project will implement the PSI Ecology Offset Masterplan, that aims to minimise the impact on marine life and create new habitats that boosts the sustainability of the fisheries sector, which includes planting mangrove trees, building eco-friendly shorelines, releasing fish and shrimp fries, deploying artificial reefs and placement of fish aggregating devices as well as providing funds for marine-related research.

"PSI is designed with the future in mind, and that means it must be adaptable to climate change and other challenges that may come. This is why the PSI development project is important to the state economy.

"The project does not spell the end for any group or community. It is a new beginning for Penang. It is a project that will give us the opportunity to build a better and more economically resilient future for the generations that come after us."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/5/2023	HARIAN METRO	LOKAL	7



SEBAHAGIAN bot nelayan kecil berlabuh di jeti Pantai Sabak, Kota Bharu. Walaupun laut kurang bergelora ketika musim peralihan monsun ini namun hasil tangkapan nelayan merosot berikutan kemunculan banyak obor-obor akibat cuaca panas yang sedang melanda negara sekarang. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

TIMBALAN Pengurus Besar Kada (Pembangunan), Mohd Razif Abdullah (tengah) mendengar penerangan daripada petani, Mohd Ridzuan Che Loh, SL (kiri) ketika meninjau sawah padi petani itu di Kampung Simpangan Tumpat. Sebelum ini, Pengurus Besar Kada, Mohd Faizul Mustafa berkata, sejumlah 7,800 hektar daripada keseluruhan 26,833 hektar tanaman padi di bawah Kada terjejas ekoran cuaca panas dan kemarau yang berlaku di Kelantan tahun ini membabitkan Jajahan Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas, Tumpat dan Kota Bharu.





Ahli kelab Waris Pejuang mengangkat air mineral untuk dihantar ke sekolah ketika tinjauan gangguan bekalan air di Bakar Arang, Sungai Petani, semalam. (Foto Syahrim Abidin/BH)

Muka kuala cetek jejas rezeki lebih 100 nelayan

Tumpat: Lebih 100 nelayan di sini berdepan dengan isu muka kuala cetek yang menyebabkan mereka sukar keluar ke laut untuk menangkap ikan.

Semua nelayan itu dari Kampung Teluk Renjuna, Pantai Suri dan Pantai Haji Nik Mat terpaksa menggunakan laluan lain yang sempit dan mengambil masa lebih dua jam sebelum tiba di laut berbanding hanya satu jam jika melalui muka kuala yang biasa dilalui di Pulau Haji Nik Mat.

Kadaan di muka kuala itu semakin cetek berikutan pasir hasil bawaan ombak besar setiap kali musim tengkujuh kian meninggi. Akibatnya, dasar sungai menyebabkan semua jenis bot tidak dapat melepaskannya.

Nelayan, Mohd Asri Abdullah, 49, berkata keadaan itu semakin teruk sejak lima tahun kebelakangan ini menyebabkan semua nelayan terpaksa menggunakan laluan alternatif membabitkan beberapa kampung, termasuk lokasi tarikan pelancongan untuk keluar ke laut.

"Jika kami turun waktu pagi sekalipun, pasti menjelang tengah hari sampai di laut dan selain memakan masa, kos bahan bakar naik dua kali ganda."

"Sekarang ramai juga nelayan bot besar sudah beralih kepada pesisir pantai kerana laluan muka kuala di Pantai Haji Nik Mat itu sudah tidak boleh dilalui bot besar, manakala bot kecil pula perlu menunggu air pasang, baru boleh guna laluan itu," katanya ketika ditemui, semalam.

Mohd Asri merayu agar masalah itu mendapat perhatian pihak berwajib kerana sebahagian besar daripada mereka hanya bergantung kepada aktiviti menangkap ikan sebagai punca pendapatan utama.

Katanya, antara penyelesaian difikirkan terbaik adalah mengorek dasar sungai lebih dalam supaya laluan dapat dibuat untuk membolehkan bot melaluinya.

Selain itu, langkah difikirkan tepat adalah membina benteng pemecah ombak untuk mendedahkan lagi muara sungai supaya bot bebas keluar dan masuk ke laut tanpa mengira waktu dan pasang surut air," katanya.

Tinjauan di muka kuala Pantai Haji Nik Mat mendapati, kawasan itu menjadi seakan pulau berikutan dasarnya semakin tinggi akibat timbunan pasir dan apabila air surut, paras air juga sangat cetek.



Muka kuala Pantai Haji Nik Mat, Tumpat seakan pulau berikutan dasarnya semakin tinggi akibat timbunan pasir dan apabila air surut, paras air sangat cetek. (Foto Nik Asyraf/Nik Omar/BH)

Tutup kedai makan akibat gangguan air

Paras air Sungai Muda pulih selepas air Empangan Beris dilepaskan

Oleh Zuliaty Zulkiffli
dan Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Sebahagian besar restoran dan kedai makan di sekitar daerah ini terpaksa menutup premis selepas mengalami gangguan bekalan air sejak kelmarin.

Tinjauan di Bandar Laguna Merbok mendapati, hanya beberapa premis beroperasi menjual makanan bungkus disebabkan tidak mempunyai air untuk mencuci pinggan dan membancuh minuman untuk pelanggan.

Ketiadaan bekalan air turut menyebabkan kedai dobi dan kedai mencuci kenderaan tidak dapat beroperasi, selain stok air botol di kebanyakan kedai runcit, pasar mini dan kedai makan dilaporkan kehabisan.

Pengusaha restoran, Hamzah Mohamad, 40, hanya menjual roti

canai secara bungkus untuk pelanggan disebabkan bekalan air terputus sejak kelmarin.

Katanya, mereka berniaga pada waktu pagi hingga tengah hari sahaja, berbanding sebelum ini sehingga lewat malam.

"Nak buat macam mana air paip tak ada, kami jual bungkus sahaja. Itu pun saya buat hanya 300 keping roti canai pagi ini (semalam)," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Pemilik Berangan Pool Cottage, Badrul Hisham Bahasar, berkata pihaknya membantu mengedarkan 86 kanton air mineral kepada pelajar di Sekolah Menengah Sains Sultan Mohd Jiwa yang memerlukan minuman.

Katanya, sekolah sukar mencari bekalan air minuman itu dan pihaknya bersetuju untuk menyalurkan bantuan.

"Hari ini (semalam) kami menyerahkan 2,016 botol minuman kepada pihak sekolah untuk diagihkan kepada pelajar dan guru di sekolah berkenaan disebabkan stok habis di pasaran," katanya.

Kembali pulih

Sementara itu, paras air Sungai Muda yang susut mendadak kelmarin kembali pulih semalam di bahagian Kedah dan Pulau Pi-

nan selepas air dari Empangan Beris di Sik, dilepaskan.

Namun, sehingga jam 11 pagi, kebanyakan nelayan masih menunggu sehingga air sungai naik ke paras normal untuk kembali melakukan aktiviti menangkap ikan dan udang di Sungai Muda.

Semalam, di beberapa bahagian Sungai Muda di sebelah Pulau Pinang, masih boleh kelihatan bahagian yang cetek dan tanah merekah apabila air sungai berkenaan susut sejak kelmarin.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pengkalan Sepit Biru, Pulau Pinang, Mohd Nazri Yaacob, 43, berkata beliau yang mengusahakan perkhidmatan bot sewa Sungai Muda tidak dapat beroperasi sejak semalam, disebabkan air cetek dan kawasan itu dipenuhi lumpur.

Katanya, dia yang mempunyai tujuh bot yang diusahakan bersama rakannya terpaksa menghentikan perkhidmatan itu sementara menunggu sehingga air sungai naik ke paras selamat.

Bagaimanapun, katanya, kejadian paras air surut itu turut membuka rezeki kepada 80 nelayan di Pengkalan Sepit Biru, Permatang Berangan, dekat sini, apabila dapat menangkap banyak ikan air tawar.

Peniaga Terengganu terpaksa dapatkan bekalan ikan dari luar

Kuala Terengganu: Cuaca yang tidak menentu dengan sesekali ribut dan laut bergelora menyebabkan berlaku kekurangan bekalan ikan apabila hanya segelintir nelayan turun ke laut.

Kekurangan bekalan makanan laut menyebabkan peniaga terpaksa mendapatkan bekalan dari luar Terengganu bagi memenuhi

permintaan setempat.

Tinjauan BH di Pasar Chabang Tiga, di sini, semalam, mendapati harga semua jenis ikan sedikit menurun berbanding minggu lalu.

Minggu lalu, harga ikan seperti selayang, aya, cencaru dan selar kuning antara RM14 hingga RM16 sekilogram, malah ada

yang mencecah sehingga lebih RM20 sekilogram seperti kembung disebabkan kekurangan bekalan.

Peniaga, Mohd Ridzuan A Wahab, 42, dari Kampung Gelugor Haji Tahir, di sini, berkata berlaku peningkatan dan penurunan harga, tetapi hanya sekitar RM1 hingga RM2.

Katanya, peningkatan harga disebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut kerana bimbang keadaan laut yang tidak boleh dijangka.

"Cuaca yang tidak menentu ketika ini menyebabkan keadaan laut ada kala bergelora, ribut datang secara tiba-tiba. Jadi nelayan yang turun ke laut tidak ra-

mai menyebabkan berlaku kekurangan bekalan ikan.

"Di darat panas tetapi di laut ada kalanya hujan, berangin dan bergelora," katanya ketika ditemui BH, semalam.

Mohd Ridzuan berkata, buat masa ini peniaga terpaksa mendapatkan bekalan ikan dari luar Terengganu.